

**Rosmah Terima Kunjungan Menteri Pelajaran UAE**  
**Bernamea**  
**17 Julai, 2012**  
**Daripada Abdul Muin Majid**

DUBAI, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Pelajaran Emiriyah Arah Bersatu (UAE) Humaid Mohammed Al Qutami mengunjungi hormat Datin Seri Rosmah Mansor di sini, pada Isnin malam sebelum isteri perdana menteri berlepas ke Kuala Lumpur setelah menghadiri Persidangan Asia Pasifik ke-12 Mengenai Bakat Semulajadi di sini.

Humaid merupakan pengerusi persidangan yang dihoskan Anugerah Hamdan bin Rashid Al Maktoum bagi Persembahan Akademik Cemerlang.

Rosmah, sebelum ini telah menyampaikan ucap tama bertemakan 'Mengoptimumkan Potensi Mereka Yang Memiliki Bakat Semulajadi', dan mengetuai sesi dialog bersama ibu bapa kanak-kanak istimewa pada persidangan lima hari itu yang berakhir, Rabu.

Semasa kunjungan hormat Menteri Pelajaran UAE itu, Rosmah berkata beliau berharap sumbangan beliau pada persidangan itu akan dapat merapatkan lagi hubungan Malaysia dan UAE.

"Jangan kita membataskan diri untuk bercakap hanya dalam bidang pendidikan kerana terdapat perkara-perkara lain yang boleh kita bekerjasama" kata Rosmah yang gemar menyokong program untuk golongan yang berbakat di Malaysia.

Rosmah dijemput menghadiri persidangan itu atas inisiatif beliau dalam projek Permata dan pendidikan awal kanak-kanak.

Sempena kehadiran beliau di Dubai itu, pihak penganjur turut menjemput sekumpulan 70 anak-anak Permata seni melakukan persembahan di sini.

Dalam ucap tamanya, Rosmah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Persidangan Dwitahunan Asia Pasifik mengenai Bakat Semulajadi pada 2016.

Persidangan edisi 2014 dijadual berlangsung di Shanghai, China.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681215>